

## Nilai Akhlak dan Pengaruh Media Massa di Kalangan Remaja Islam Luar Bandar

AB. HALIM TAMURI & ZARIN ISMAIL

### ABSTRAK

*Kewujudan bahan-bahan negatif dalam media massa seperti akhbar, hiburan, VCD, DVD, TV, radio dan laman-laman web telah menumbulkan pelbagai masalah yang serius kepada perkembangan remaja Islam masa kini. Hasil daripada perkembangan dan kemajuan teknologi serta kemudahan asas yang sempurna, kesan dan pengaruh media massa bukan sahaja dirasai oleh remaja di kawasan bandar, malah ianya turut melibatkan golongan remaja di kawasan luar bandar. Fokus utama artikel ini adalah untuk membincangkan satu kajian yang telah dijalankan dikalangan remaja-remaja daripada keluarga yang dikategorikan sebagai keluarga fakir miskin di Daerah Sabak Bernam, Selangor. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pendedahan media massa dikalangan remaja-remaja ini, mengenal pasti tahap minat mereka terhadap jenis-jenis kandungan dalam media massa dan menganalisis hubungan antara pendedahan media massa, tahap minat pelajar terhadap kandungan media massa dan pegangan nilai akhlak mereka. Kajian ini telah menggunakan satu set borang soal selidik dan melibatkan seramai 61 orang pelajar Tingkatan 5 di Daerah Sabak Bernam, Selangor.*

### ABSTRACT

*The existence of negative contents in the mass media today such as news papers, entertainments, VCD, DVD, TV, radio, and web sites has created negative consequences to the Muslim youths. As a result of the advancement and development of modern technologies today, the mass media have been considered as one of the most significant factors influenced the Muslim younger generation, not only in the urban areas but also in the rural areas. This main focus of this articel is to discuss the influence of mass media to the youths from the poor families in the district of Sabak Bernam, Selangor. The objectives of the study are to determine the level of exposure to the mass media, types and the contents of mass media chosen by the youths, as well as to analyze the relationship between the influence of mass media and the internalization of their moral values. This study used the questionnaires for collecting the data from the sixty-one students in Forms 5 in the district of Sabak Bernam, Selangor. They are the samples for this study.*

## PENDAHULUAN

Masyarakat Islam di Malaysia secara umumnya memperlihatkan sikap bimbang terhadap pelbagai bentuk gejala sosial dan masalah keruntuhan akhlak yang sedang dihadapi oleh umat Islam di serata dunia. Walaupun isu keruntuhan akhlak dan sosial ini wujud juga di kalangan masyarakat bukan Islam, namun isu ini kelihatanya lebih menonjol di kalangan masyarakat Melayu, yang disinonimkan pula dengan masyarakat Islam. Permasalahan ini tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja dan perlu ditangani oleh masyarakat Islam dengan penuh hikmah dan bijaksana. Hampir setiap hari kita dikejutkan oleh media dengan permasalahan sosial remaja Melayu yang dikatakan ‘biasa’ berlaku seperti rogol, lari dari rumah, perzinaan atau seks bebas, sumbang mahram, dadah, ponteng, dera, buli dan gangsterisma. Isu-isu ini telah mendapat perhatian dan reaksi daripada pelbagai pihak, khususnya pihak kerajaan, parti-parti politik, NGO dan juga badan-badan sukerela. Gejala sosial yang berlaku tidak hanya terbatas kepada satu golongan atau lapisan masyarakat sahaja, tetapi ianya melibatkan semua peringkat masyarakat seperti golongan muda, tua, kaya, miskin, berpendidikan tinggi, tiada pendidikan dan juga yang mempunyai pendidikan agama.

## LATAR BELAKANG KAJIAN DAN PERNYATAAN MASALAH

Dalam dunia tanpa sempadan, peranan media dalam menyebar dan menyampaikan maklumat dan pendidikan kepada masyarakat menjadi semakin penting. Boleh dikatakan bahawa setiap rumah daripada pelbagai lapisan masyarakat mampu mempunyai kemudahan audio-video seperti radio, televisyen, VCD, DVD dan juga komputer. Kemudahan yang ditawarkan oleh pihak-pihak tertentu seperti Jaring dan TMNet telah menambahkan peranan media, khususnya media elektronik, kepada masyarakat. Internet kini telah menjadi salah satu sumber utama untuk mendapatkan maklumat dan jumlah penggunaanya juga semakin meningkat dengan adanya pelbagai kemudahan yang ditawarkan seperti *cyber café* serta didokong oleh harga komputer yang agak murah dan mudah diperolehi di negara kita. Namun begitu, kemudahan internet pada masa kini masih lagi tidak dapat menggantikan peranan media massa seperti televisyen, radio dan media cetak yang telah lama wujud, terus bertapak dan semakin ampuh. Malah jika diperhatikan jumlah siaran televisyen, radio dan juga jenis-jenis majalah yang ada, bilangannya semakin bertambah dari tahun ke tahun. Kebanjiran VCD, DVD, satelit penyiaran dan pelbagai program atau rancangan televisyen dalam pasaran di serata negara Islam telah menimbulkan pelbagai masalah dikalangan generasi muda.

Tanpa menafikan kepentingan penggunaan media massa dalam memberikan pendidikan dan ilmu kepada masyarakat, media massa juga telah memberi kesan negatif kepada perkembangan akhlak masyarakat, terutamanya di kalangan

generasi muda. Pelbagai jenis hiburan, bahan bacaan, bahan audio video serta gambar yang dipertontonkan melalui pelbagai jenis media telah mencetuskan ketidakstabilan dalam emosi dan psiko-sosial remaja masa kini. Bahan-bahan tersebut telah disebar secara terbuka kepada khalayak seolah-olah ianya mengikut peraturan dan tanpa menyalahi etika yang sedia ada dalam masyarakat. Dengan erti kata lain ianya seolah-olah dihalalkan oleh undang-undang dan peraturan.

Mughees-uddin (1997: 57) telah menjelaskan bahawa terdapat pelbagai cara di mana media telah mencemarkan masyarakat secara terbuka. Menurut beliau:

There are many ways in which the media can offend without straying beyond the laws: inaccuracy, lies, distortions, bias, propaganda, favoritism, sensationalism, trivialization, lapses of tastes, vulgarity, sleaze, sexism, racism, homophobia, personal attacks, smears, character assassination, deception, and invasion of privacy.

Syed Ali Ashraf juga telah mengkritik pihak media massa yang sering menggunakan alasan demokrasi, kebebasan dan juga hak individu bagi membolehkan mereka melaksanakan berbagai-bagai bentuk rancangan dan program yang akhirnya telah merosakkan budaya dan cara hidup serta pegangan agama seseorang. Menurut Ashraf (1997: 1):

Modern technology has made it possible to have free world-wide communications, both of sounds and pictures. As a result, it has become a very powerful instrument in the hands of human beings to cultivate or destroy moral values, to affect and control the minds of people by those who have the power over these media. In the name of freedom and human rights, various big and small companies have started putting up programmes with little censorship or restriction. Whether these programmes will be good or bad depends on what is meant by good or bad and who determines what is good and what is evil.

Beliau turut menegaskan bahawa atas alasan yang sama juga, konsep kebaikan dan keburukan, konsep benar dan salah yang berasaskan nilai-nilai agama telah dihapuskan. Maka pada mereka, hak menentukan sesuatu yang baik atau pun buruk adalah terletak kepada individu itu sendiri. Sikap pihak media massa yang lebih mementingkan keuntungan kewangan dan juga sikap individualistik serta materialistik telah menyebabkan media massa tidak memikirkan kesan jangka masa panjang yang akan berlaku kepada masyarakat.

Mengikut pendapat Larking (1996: 21), “*along with the home video, television can lull the viewer into a passive reception on ideas under the guise of being entertained*” Malah, fungsi semulajadi dan matlamat televisyen untuk memberi hiburan menyebabkan program-program yang dijalankan perlu pula berbentuk hiburan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh beliau juga (Larking 1997: 40), “*television's task is to entertain and even when it is seeking to inform, it must be done in an entertaining manner*” Malah Larking berpendapat bahawa televisyen boleh menjadi *modern day idolatry* di dalam rumah dan menjadi ancaman kepada pegangan agama, jika penggunaannya adalah secara melampau

dan tidak dikawal. Justeru, penyalahgunaan televisyen boleh memberi kesan negatif kepada generasi muda kerana ia mereka boleh menyimpangkan daripada realiti kehidupan yang sebenar dan menjadi hamba kepada televisyen. Menurut Larking (1997: 39), “*television image promises to insulate our lives from reality by entertaining us. [Thus,] the television image can rob young people of their time, and bring them into bondage to itself*”.

Dalam keadaan sedemikian, televisyen telah menjadi satu persaingan kepada bahan-bahan pendidikan yang bercetak kerana sifatnya yang berbentuk hiburan, ditambah dengan persembahan yang lebih menarik, jika dibandingkan dengan persembahan yang terdapat dalam buku-buku akademik. Budaya menonton televisyen yang berlebihan dan tidak terkawal secara tidak langsung telah menarik remaja untuk lebih lama berada di depan kaca televisyen dan kurang memberi tumpuan kepada pembacaan buku-buku pelajaran. Persekutuan keluarga yang membiarkan anak-anak mereka menonton televisyen secara berlebihan akan menghalang wujudnya suasana yang kondusif untuk pembelajaran. Menurut Larking (1997: 40):

In homes where there is unrestricted television viewing and a number of young family members, it becomes exceedingly difficult for young people to withdraw from the action presented on the television and seclude themselves in a quite place where they can read.

Satu daripada bencana televisyen ialah sifatnya yang tidak membolehkan penonton memberi respons kepada rancangan yang disiarkan. Akibatnya, televisyen telah menjadikan diri remaja bersifap pasif dan dalam keadaan tertentu sangat mudah dipengaruhi. Mengikut Larking (1997: 40):

one of the dangers of television is that since it does not call for a considered response there is a strong tendency for young people to become passive receivers of information through their television viewing.

Dalam satu kajian yang dijalankan di England and Wales, melibatkan 20,968 orang pelajar tahun sembilan dan sepuluh menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara menonton televisyen dengan perkembangan sosiopsikologi remaja (Francis 1997). Pelajar yang dikategorikan sebagai ketagih menonton televisyen menghadapi pelbagai masalah sosiopsikologi seperti kesedaran diri yang rendah, kerisauan dalam hubungan, kurang menerima perhatian daripada keluarga, kurang berminat terhadap kerja sekolah, kurang mantap keyakinan agama, lebih percaya kepada perkara tahuul dan terlibat dalam masalah atau gejala seks dan keganasan, berbanding dengan rakan-rakan mereka yang kurang menonton televisyen. Ini menunjukkan bahawa media massa, khususnya televisyen mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap perkembangan diri dan akhlak remaja. Selain itu, unsur *soft pornography* pula secara tidak langsung telah dipromosikan dengan meluas melalui program-program hiburan, tarian dan nyanyian yang mengasyikkan, yang ditayangkan dalam beberapa saluran televisyen seperti RTM2, TV3, NTV7, 8TV, ASRTO Ria dan

MTV Rancangan-rancangan hiburan ini telah memberi impak yang besar kepada golongan remaja daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan status sosioekonomi.

Selain itu, majalah-majalah dalam pasaran juga mempunyai pengaruh yang besar dalam perkembangan dan kehidupan harian remaja. Hasil daripada tinjauan yang telah dijalankan di daerah Sabak Bernam, terdapat pelbagai jenis majalah yang diboleh didapati dengan mudah dalam pasaran dan kebanyakannya disasarkan kepada pembaca golongan remaja. Berdasarkan hasil jualan majalah dikalangan para penjual disekitar Sabak Bernam, jenis-jenis majalah hiburan yang mendapat sambutan yang hangat daripada golongan remaja adalah yang banyak memaparkan kisah dan gosip artis-artis serta selebriti terkenal. Apa yang lebih menarik minat mereka membelinya ialah poster atau gambar artis pujaan mereka, sama ada artis tempatan atau luar negara, terutamanya yang mendedahkan aurat, seksi, dan bercanggah dengan nilai-nilai ketimuran dan keIslamam. Fokus utama yang diberikan dalam majalah-majalah ini adalah hiburan semata-mata dan ianya tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda. Malah, maklumat yang banyak dimuatkan hanya berkisar kepada persoalan gosip-gosip dan kehidupan artis yang penuh glamor. Budaya yang berasaskan nilai ketimuran kurang diberi penekanan, malah jauh sekali mengharapkan nilai-nilai akhlak Islam dijadikan tumpuan dalam majalah-majalah tersebut.

Keadaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi pemikiran pembaca-pembaca yang tidak mempunyai latar pendidikan agama yang kukuh. Ini mengakibatkan apa yang ditunjukkan oleh majalah-majalah tersebut sudah menjadi satu lumrah yang sudah diterima oleh masyarakat atau suatu hakikat yang benar kerana ianya dipaparkan, dipromosikan secara terang-terangan, serta dianggap perkara biasa dalam masyarakat, malah ianya dibenarkan oleh undang-undang. Selain itu, dalam kandungan majalah hiburan tersebut juga, terdapat iklan-iklan yang menonjolkan budaya barat yang berasaskan kepada keseronokan, pakaian dan budaya hidup bebas yang mengenepikan nilai-nilai dan ajaran Islam. Malah, majalah-majalah keluarga juga sering memaparkan dan mempromosikan cara hidup materialistik yang penuh bergaya, berasaskan satu cara hidup yang penuh keindahan, mewah dan selesa. Misalnya rumah-rumah yang dihiasi pelbagai jenis perabot yang mahal dan elegan seperti hiasan dalaman rumah yang mempersonakan, serta disusuli pula dengan laporan persediaan dan liputan majlis-majlis perkahwinan golongan berada atau terkenal, yang tidak mampu dicapai oleh semua individu. Dengan kata lain, kandungan majalah-majalah ini secara halus telah membina satu khayalan di dalam minda golongan remaja untuk mencontohi gaya hidup selebriti idola mereka yang penuh glamor.

Situasi negatif seperti ini perlu dilihat sebagai satu bentuk ancaman terhadap pembangunan diri remaja Muslim yang berteraskan kepada pengabdian dan penyerahan diri secara total kepada Allah sebagaimana maksud firman-firman-Nya:

*Dan mereka tiada disuruh, melainkan menyembah Allah serta mengikhlaskan agama bagi-Nya sambil cenderung kepada tauhid*

(Quran, al-Bayyinah 98:5)

*Hai manusia, sembahlah Tuhanmu yang menciptakan kamu*

(Quran, al-Baqarah 2:21) dan

*Hai orang-orang yang beriman, takutlah kamu kepada Allah sebenar-benar takut dan jangan kamu mati melainkan kamu orang muslim*

(Quran, Ali 'Imran 3:102).

Selain itu, matlamat pendidikan dalam Islam bertujuan melahirkan hamba Allah yang mempunyai perkembangan diri yang seimbang dalam kehidupan mereka, merangkumi aspek jasmani, emosi, intelek dan rohani. Dengan itu, mereka dapat berfungsi sebagai khalifatullah untuk memakmurkan alam dan penghuninya tidak dapat dicapai sepenuhnya. Dalam Islam, keseimbangan pembangunan manusia ini perlu berasaskan kepada aspek kerohanian agar manusia yang dididik tersebut berakhhlak mulia, bertakwa, patuh dan taat kepada hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T. sebagaimana yang telah dibincangkan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1979), Syed Ali Ashraf (1988), Rosnani (1996) dan Ab. Halim (2000) bahawa pendidikan adalah sebagai proses *ta'adib* yang dihubungkaitkan dengan istilah *adab*.

Secara umumnya, kesan negatif sebaran bahan media massa tidak dapat dikekang lagi kerana ianya amat mudah didapati di mana-mana tempat walaupun jauh di luar bandar. Majalah, CD, VCD, DVD, internet, *cyber café* dan Astro mudah didapati atau dilanggan oleh individu tanpa sebarang sekatan dan kawalan yang ketat. Ini telah memberi kesan negatif kepada golongan remaja, termasuk mereka yang tergolong sebagai fakir miskin. Dalam kajian ini, tumpuan penyelidikan adalah untuk melihat tahap pendedahan media massa dan pengaruhnya terhadap pegangan nilai akhlak golongan fakir miskin. Walaupun pada umumnya remaja-remaja ini tidak berkemampuan untuk membeli bahan-bahan media ini, mereka boleh membaca dan mendapatkan bahan-bahan media cetak seperti surat khabar dan majalah-majalah terkini yang berada di pasaran melalui jiran-jiran atau rakan-rakan mereka. Selain daripada itu, mereka juga boleh menonton CD, DVD atau saluran Astro di gerai-gerai makanan, restoran-restoran atau di rumah rakan-rakan mereka yang berkemampuan. Daripada tinjauan yang dijalankan dibeberapa Desa Kasih, kebanyakannya pelajar-pelajar ini mempunyai kemudahan televisyen dan radio di rumah mereka. Walaupun mereka tidak mempunyai kemudahan komputer di rumah, kewujudan *cyber café* di daerah ini juga telah memberi peluang kepada remaja-remaja ini untuk mengakses internet serta melayari laman-laman web.

Kajian yang dijalankan ini akan memberi fokus kepada beberapa nilai asas yang perlu pegang oleh setiap remaja Islam, antaranya ialah matlamat hidup, akhlak sebagai pelajar, akhlak kepada masyarakat, kepercayaan kepada nilai metafizik atau perkara *ghaybiyyāt*, nilai berkaitan seks dan juga nilai

yang tidak dikategorikan sebagai fakir miskin. Kajian ini telah menggunakan satu set borang soal selidik yang mengandungi skala Likert 5 poin bagi mendapatkan data yang berkaitan. Hasil daripada ujian kebolehpercayaan yang dijalankan, tahap nilai *Conbach Alpha* kebolehpercayaan bagi aspek pembangunan diri (Bahagian C) adalah tinggi, iaitu 0.8194, manakala nilai kebolehpercayaan untuk Bahagian D ialah 0.7715. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan *SPSS for Windows (Version 12.0.1)*.

#### DAPATAN KAJIAN

Daripada segi komposisi, responden kajian ini adalah terdiri daripada 25 orang pelajar lelaki dan 36 orang pelajar perempuan yang belajar di beberapa buah sekolah di Daerah Sabak Bernam. Seramai 26 orang daripada mereka adalah pelajar aliran Sains, manakala 35 orang pelajar lagi mengambil aliran Sastera. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, tahap pendedahan remaja-remaja ini terhadap media massa dalam sehari adalah seperti Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Tahap pendedahan terhadap media massa dalam sehari

Bil.	Aktiviti	Min
1	Menonton televisyen	3.02
2	Mendengar radio	1.89
3	Menonton VCD	1.25
4	Membaca majalah	0.98
5	Membaca surat khabar	0.98
6	Melayari laman web	0.33

Berdasarkan Jadual 1 di atas, dapatan kajian menunjukkan min yang tertinggi adalah menonton televisyen, di mana purata pelajar yang menonton televisyen adalah 3.02, diikuti oleh mendengar radio dengan min 1.89. Secara keseluruhannya, purata pelajar yang menonton VCD adalah juga tinggi, iaitu 1.25. Bagi aspek membaca majalah dan surat khabar min yang didapati adalah sama, iaitu 0.98, manakala min yang terendah pula ialah melayari laman web, iaitu 0.33.

Dapatan kajian ini menepati *trend* amalan golongan remaja di barat yang menjadikan televisyen sebagai aktiviti senggang yang paling popular pada waktu petang dan hujung minggu (Murdock & Phelps 1973) serta yang menjadikannya sebagai aktiviti riadah yang utama (Furnham & Gunter 1983). Bagaimanapun, jika diterima pakai pendapat Francis (1997:5) yang mengatakan bahawa, “*the contention of the present study is that young people who watch more than four hours television after school on a normal day may be described as comparatively undiscriminating addicts*”, maka dapatan kajian ini yang

kekeluargaan. Instrumen kajian ini adalah berdasarkan kepada pengubahsuaiān instrumen-instrumen kajian yang telah dibina oleh Francis (1997) dan Ab. Halim (2000).

#### METODOLOGI KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak dikalangan remaja-remaja luar bandar di Daerah Sabak Bernam, Selangor. Fokus utama kajian ini adalah tertumpu kepada remaja-remaja Islam daripada keluarga yang dikategorikan sebagai golongan fakir miskin. Secara khususnya, objektif-objektif kajian ini adalah untuk:

- i. mengenal pasti tahap pendedahan media massa di kalangan remaja-remaja daripada golongan keluarga fakir miskin.
- ii. mengenal pasti jenis kandungan dalam media massa yang memberi kesan positif dan negatif kepada akhlak remaja-remaja daripada golongan keluarga fakir miskin.
- iii. mengkaji hubungan pendedahan media massa dengan pegangan nilai akhlak remaja-remaja daripada golongan keluarga fakir miskin.

Kajian ini telah dijalankan di Daerah Sabak Bernam, Selangor sebagai satu tinjauan awal bagi melihat beberapa isu akhlak yang berlaku di kalangan remaja-remaja daripada keluarga fakir miskin. Daerah Sabak Bernam merupakan daerah yang mempunyai jumlah terbanyak keluarga fakir miskin di negeri Selangor dimana terdapat sebanyak 10 buah desa yang dikenali sebagai *Desa Kasih*, yang telah dibina sebagai pusat penempatan golongan fakir miskin. Berdasarkan definisi yang digunakan oleh Pusat Zakat Selangor (2004), golongan fakir ialah orang Islam yang tidak mempunyai harta atau pekerjaan atau ada pekerjaan tetapi tidak halal atau ada pendapatan tetapi tidak mencapai 50 peratus daripada had kifayah untuk keperluan diri atau keperluan diri tanggungannya. Manakala golongan miskin pula ialah orang Islam yang mempunyai harta atau pendapatan halal yang hanya boleh menampung 50 peratus untuk keperluan diri atau keperluan diri tanggungannya tetapi tidak mencapai had kifayah. Selain itu, terdapat juga sejumlah kecil pelajar fakir miskin lain yang tidak tinggal di pusat-pusat penempatan ini yang juga menerima bantuan kewangan daripada Pusat Zakat Selangor (PZS). Pelajar-pelajar yang dikategorikan dalam kumpulan ini mendapat bantuan khas pendidikan PZS sebagai satu bantuan tambahan daripada peruntukan fakir miskin yang telah diberikan kepada keluarga mereka.

Kajian ini melibatkan 61 orang pelajar Tingkatan 5 yang dikategorikan sebagai pelajar daripada keluarga fakir miskin. Pelajar-pelajar ini dipilih berdasarkan senarai golongan fakir miskin yang dikeluarkan oleh PZS dan juga pihak sekolah di daerah tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini tidak digeneralisasikan kepada pelajar-pelajar fakir miskin daripada kawasan lain dan juga kepada pelajar-pelajar

mendapati bahawa purata remaja miskin di Daerah Sabak Bernam menghabiskan purata 3.02 jam sehari menonton televisyen amatlah membimbangkan. Tambahan pula, kajian Francis (1997) juga menunjukkan bahawa penagihan menonton televisyen di kalangan remaja di barat telah memberi kesan kepada profil sosiopsikologikal mereka.

Dengan kata lain, pandangan alam atau *worldview* kumpulan *subset* remaja yang ketagih menonton televisyen ini adalah berbeza dengan pandangan alam atau cara berfikir orang lain, sama ada dalam kalangan kumpulan remaja itu sendiri ataupun dengan cara berfikir orang dewasa. Lebih *irony* lagi ialah apabila nilai-nilai pandangan alam yang terkandung dalam rancangan televisyen itu pula bercanggah dengan pandangan alam atau *worldview* masyarakat setempat. Kesan daripada fenomena ini memungkinkan wujudnya masalah konflik nilai dalam masyarakat, yang seterusnya akan mengakibatkan pelbagai masalah sosiopsikologikal yang lain.

JADUAL 2. Minat pelajar terhadap jenis kandungan media

Bil.	Aktiviti	Min
1	Pendidikan/Pengetahuan Am	3.81
2	Agama	3.79
3	Hiburan	3.59
4	Seram	3.50
5	Humor	3.12

Jadual 2 di atas menunjukkan min keseluruhan bagi minat pelajar terhadap jenis kandungan media massa. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap minat pelajar terhadap bidang pendidikan/pengetahuan am adalah yang tertinggi, iaitu 3.81 dan diikuti oleh bidang agama dengan min 3.79. Manakala media massa yang mengandungi bahan hiburan menduduki tempat ketiga dengan min 3.59, seterusnya diikuti pula oleh bahan-bahan seram, dengan min 3.50 dan humor dengan 3.12.

Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan yang berkaitan dengan pegangan nilai akhlak dikalangan pelajar fakir miskin berdasarkan urutan.

Umumnya, tahap pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar ini berada pada tahap yang agak membimbangkan, di mana min keseluruhannya didapati hanya 3.85. Terdapat 15 item (Item 1 hingga Item 15) yang mempunyai min melebihi 4.00, iaitu antara 4.03 hingga 4.84. Aspek kepercayaan kepada pembalasan selepas mati, keyakinan terhadap Islam, keyakinan bahawa al-Quran menjadi panduan hidup, penolakan seks bebas, tanggungjawab sebagai hamba Allah, perasaan bangga kepada sekolah dan menolak untuk menonton rancangan TV/VCD yang mempunyai unsur seks adalah antara tujuh item yang mempunyai min yang tertinggi, iaitu melebihi 4.50. Manakala 8 item lain yang juga mempunyai min

JADUAL 3. Pegangan nilai akhlak pelajar

Bil.	Item	Min
1	Saya percaya dengan pembalasan daripada Tuhan selepas mati.	4.84
2	Saya seorang yang yakin dengan agama yang saya anuti.	4.82
3	Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya.	4.61
4	Seks luar nikah adalah amalan yang ditolak oleh masyarakat hari ini.	4.57
5	Saya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba Allah.	4.54
6	Saya merasa bangga dengan sekolah saya.	4.51
7	Saya tidak berminat menonton rancangan TV/VCD yang berunsur seks.	4.51
8	Saya akan mendahuluikan amalan agama dengan perkara-perkara lain.	4.28
9	Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/bernilai.	4.16
10	Guru-guru di sekolah menjadi model/contoh teladan kepada saya.	4.15
11	Pergaulan antara lelaki dan perempuan perlu disekat pada zaman ini.	4.11
12	Saya merasa seronok apabila bersama rakan-rakan di sekolah.	4.08
13	Sekolah membantu saya dalam menjalani kehidupan sehari-hari.	4.07
14	Ibu bapa kita tidak seharusnya mencontohi cara-cara ibu bapa di barat dalam mendidik anak-anak mereka.	4.07
15	Saya sering merasa risau dengan ujian/peperiksaan di sekolah.	4.03
16	Adegan/gambar yang menjolok mata dalam media massa merisaukan saya.	3.92
17	Merokok adalah satu amalan yang buruk.	3.90
18	Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas.	3.80
19	Belajar di sekolah tidak membosankan.	3.77
20	Saya tidak percaya kepada ramalan bintang/horoskopik.	3.61
21	Jiran tetangga perlu mengambil peduli tentang apa yang dilakukan oleh anak-anak jiran mereka.	3.59
22	Fesyen pakaian artis/selebriti tidak mempengaruhi pemilihan pakaian saya.	3.57
23	Media massa banyak menyiaran rancangan yang memupuk akhlak remaja.	3.51
24	Saya tidak berminat menonton rancangan yang berunsur keganasan.	3.44
25	Rancangan-rancangan TV tidak memberi pengetahuan seks kepada saya.	3.41
26	Saya merasa puas/gembira dengan kehidupan saya.	3.36
27	Kisah tentang keruntuhan keluarga yang disiarkan dalam media massa memberi pengajaran kepada saya.	3.36
28	Saya berminat menonton rancangan yang berunsur kekeluargaan.	3.36
29	<i>Dating</i> tidak seharusnya dilakukan bagi pasangan yang bercinta.	3.23
30	Saya sering berpuas hati dengan apa yang saya perolehi.	2.91
31	Saya tidak merasa tertekan dalam menjalani kehidupan sehari-hari.	2.75
32	Saya percaya bahawa hantu/tahyul tidak akan memudarathkan kita.	2.45
	Min keseluruhan	3.85

\*Penyataan negatif telah dikod semula.

yang tinggi, iaitu antara 4.03 hingga 4.28 adalah mendahuluikan amalan agama dengan perkara-perkara lain, merasakan bahawa hidupnya bermakna/bernilai, guru di sekolah menjadi model/contoh teladan kepadanya, pergaulan antara lelaki dan perempuan perlu disekat pada zaman ini, merasa seronok apabila bersama rakan-rakan di sekolah, sekolah membantunya dalam menjalani kehidupan sehari-hari, ibu bapa kita tidak seharusnya mencontohi cara-cara ibu bapa di barat dalam mendidik anak-anak mereka dan sering merasa risau dengan ujian/peperiksaan di sekolah.

Selain itu, terdapat 9 item yang mempunyai min di antara 3.23 hingga 3.92, iaitu Item 16 hingga Item 29. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian kerana min yang didapati agak kurang memuaskan kerana iaanya melibatkan isu-isu sehari-hari pelajar seperti kepuasan hati dalam hidup, pengetahuan tentang seks melalui televisyen, pengajaran daripada masalah kekeluargaan dan keharusan *dating* kepada pasangan yang sedang bercinta. Tiga item terendah perlu diberikan tumpuan yang lebih serius kerana item-item ini mempunyai min di bawah 3.00. Ini adalah bagi item-item perasaan rasa puas hati dengan apa yang diperolehi (2.91), tekanan dalam kehidupan sehari-hari sebagai pelajar (2.75) dan kepercayaan bahawa hantu/tahyul boleh memudaratkan diri (2.45).

JADUAL 4. Hubungan pegangan nilai akhlak dengan pembolehubah

Bil	Pegangan nilai akhlak dengan:	<i>r</i>	Aras Signifikan
1	Tahap pendedahan media massa	-0.257	.045*
2	Minat pelajar kepada bahan hiburan	-0.090	491
3	Minat pelajar kepada bahan humor	0.100	451
4	Minat pelajar kepada bahan agama	0.321	.012*
5	Minat pelajar kepada bahan pendidikan	0.261	.042*
6	Minat pelajar kepada bahan seram	0.115	.380

\* Signifikan pada aras 0.05

Jadual 4 di atas menunjukkan keputusan beberapa ujian korelasi Pearson yang dilakukan untuk melihat hubungan pegangan nilai akhlak pelajar dengan beberapa pembolehubah. Dapatkan menunjukkan terdapat hubungan negatif ( $r = -0.257$ ) yang signifikan antara tahap pendedahan media massa dengan pegangan nilai akhlak pelajar, walaupun hubungan ini tidak kuat. Ini memperlihatkan bahawa semakin tinggi tahap pendedahan pelajar kepada media massa, maka semakin rendah pegangan nilai akhlak dan begitulah juga sebaliknya. Ini bermakna pendedahan media massa yang tinggi boleh memberi kesan negatif kepada pelajar, walaupun dalam konteks dapatkan kajian ini, hubungan tersebut tidaklah begitu kuat atau signifikan.

Aspek minat pelajar terhadap bahan-bahan hiburan pula, dapatkan kajian ini menunjukkan tidak wujud hubungan yang signifikan antara minat pelajar kepada bahan-bahan hiburan dalam media massa dengan tahap pegangan akhlak mereka. Ini memberi kefahaman bahawa bahan hiburan dalam media massa tidak memberi sumbangan yang bermakna terhadap pembentukan pegangan akhlak pelajar-pelajar. Begitu juga keadaanya dengan bahan-bahan humor dan seram, di mana hubungan yang wujud adalah lemah dan tidak signifikan. Namun begitu, keadaan berbeza pula wujud bagi bahan-bahan agama ( $r = 0.321$ ) dan pendidikan ( $r=0.261$ ), di mana dapatkan menunjukkan minat yang tinggi terhadap kedua-dua bahan ini mempunyai hubungan dengan tahap pengangan akhlak pelajar. Walaupun kedua-dua hubungan ini adalah pada tahap yang lemah, namun ianya menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap bahan agama dan pendidikan memberikan kesan yang positif kepada tahap pegangan akhlak mereka.

Apa yang membimbangkan, kajian ini telah menunjukkan bahawa pendedahan yang tinggi dan berlebihan kepada media massa tidak memberikan sumbangan yang positif dalam pegangan nilai-nilai akhlak pelajar-pelajar ini. Minat pelajar-pelajar terhadap bahan-bahan hiburan, humor dan seram dalam media massa juga tidak mempunyai pengaruh yang bermakna dengan pegangan nilai akhlak para pelajar.

#### RUMUSAN

Terdapat beberapa perkara penting yang boleh dirumuskan berkaitan dengan hubungan media massa dan pegangan nilai akhlak para pelajar daripada golongan keluarga fakir miskin yang tinggal di luar bandar, khususnya di daerah Sabak Bernam. Kajian ini mendapat kadar menonton televisyen di kalangan pelajar ini agak tinggi di mana purata masa menonton televisyen ialah 3.02 jam sehari, diikuti dengan mendengar radio dan menonton VCD. Ini menunjukkan bahawa hampir kesemua pelajar ini mempunyai kemudahan televisyen di rumah mereka. Malahan terdapat juga di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai alat pemain cakera padat. Tahap pendedahan yang tinggi terhadap media massa, khususnya televisyen di kalangan pelajar ini agak membimbangkan kerana kesemua pelajar ini akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada akhir tahun tersebut. Jika dilihat daripada minat pelajar terhadap bahan-bahan dalam media massa, perbezaan minat yang wujud di antara jenis-jenis kandungan dalam media tidak begitu besar, iaitu sekitar 3.12 hingga 3.81. Walaupun dapatkan kajian menunjukkan minat pelajar-pelajar terhadap bahan-bahan agama dan pendidikan adalah pada tahap yang tertinggi, namun minat mereka terhadap bahan-bahan media berbentuk hiburan dan seram juga berada pada kedudukan yang hampir sama.

Umumnya, berdasarkan min keseluruhan pegangan akhlak pelajar, tahap pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar ini tidak boleh dipandang mudah kerana purata keseluruhannya hanya pada tahap 3.85. Ini adalah disebabkan terdapat

beberapa item yang mempunyai min yang rendah, iaitu item yang berkaitan kepuasan hidup, tekanan dalam kehidupan sehari-hari dan kepercayaan pada perkara tahuyl. Selain itu, beberapa item yang agak rendah juga perlu diberikan perhatian seperti isu *dating* di kalangan pasangan bercinta, minat kepada rancangan berbentuk keluargaan, maklumat tentang seks, rancangan TV yang berunsur ganas dan fesyen yang dipromosikan oleh artis dan selebriti. Hasil daripada ujian-ujian inferen yang dijalankan, didapati tahap pendedahan media massa mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan pegangan akhlak pelajar. Semakin banyak masa yang diluangkan untuk media massa semakin rendah tahap pegangan akhlak pelajar. Selain itu, minat pelajar terhadap bahan-bahan hiburan, humor dan seram dalam media massa tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan akhlak pelajar. Namun begitu, minat yang tinggi terhadap bahan agama dan pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar ini.

Beberapa tindakan segera perlu dilaksanakan bagi mengatasinya atau sekurang-kurangnya mengurangkan keadaan ini. Antaranya ialah mengadakan kelas-kelas bimbingan akademik dan keagamaan selepas waktu persekolahan, pemantauan dan kawalan yang positif daripada ibu bapa, serta mengadakan lebih banyak aktiviti keagamaan dan pendidikan yang dapat menarik minat pelajar dalam kandungan media massa tersebut. Penerbit majalah atau program radio dan televisyen boleh meningkatkan pegangan dan kefahaman tentang nilai-nilai akhlak dikalangan pelajar dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam setiap penerbitan majalah dan program atau siaran radio dan televisyen yang dikendalikan oleh mereka. Jika tanggungjawab ini dipikul sebagai amanah Allah dalam mendidik manusia ke jalan yang direhui-Nya, maka fungsi media massa ke arah pembentukan nilai dan akhlak pelajar dapat ditunaikan demi kesejahteraan hidup insan di dunia dan akhirat.

#### RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2000. A study of students' knowledge of akhlaq in the Malaysian Secondary schools. Tesis Ph.D, Universiti of Birmingham.
- Ashraf, Syed Ali. 1988. A view of education-An Islamic perspective. In *Schools for tomorrow: Building Walls or building bridges*, O'Keeffe (ed.), hlm. 69-79. Sussex: The Falmer Press.
- al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib 1979. Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims of Education. In *Aims and Objectives of Islamic Education*. S.M.N. al-Attas (ed.). Jeddah: King Abdulaziz University.
- Babbie, Earl. 1986. *The practice of social research*. California: Wadsworth Publishing.
- Bommel, Abdul Wahid. 1998. Media ethics of Muslims in the age of cross cultural communication. *Muslim Education Quarterly* 15(4): 61-75.
- Burns, R. B. 2000. *Introduction to research methods*. London: Sage Publication.
- Eggen, P. & D. Kauchak. 1997. *Educational Psychology*. New Jersey: Prentice Hall.
- Francis, L. J. 1997. The socio-psychological profile of the teenage television addict. *Muslim Education Quarterly* 15(1): 6-19.

- Furnham, A. & B. Gunter. 1983. Political knowledge and awareness in adolescents. *Journal of Adolescents* 6: 373-385.
- Murdock, G. & G. Phelps. 1973. *Mass media and the secondary school*. London: MacMillan.
- Mitchell, Jolyon. 1998. Rediscovering the value of radio in a mass media culture. *Muslim Education Quarterly* 16(1): 51-64.
- Larking, L. 1997. Televisyen, popular culture and humiliation of written word. *Muslim Education Quarterly* 15(1): 38-44.
- Larking, L. 1996. What is critical about teaching critical literacy within an Islamic context?. *Muslim Education Quarterly* 14(1): 17-25.
- Mughess-uddin. 1997. An Islamic framework of media ethics: problems and challenges. *Hamard Islamicus* XX(4): 57-67
- Rosnani Hashim. 1996. *Educational dualism in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- \_\_\_\_\_. 1997. Mass Media Communications, Religion and Education. *Muslim Education Quarterly* 15(1): 1-3.
- Woolfolk, A. E. 2004. *Educational psychology*. Boston: Allyn and Bacon.
- Zuria Mahmud, Ab. Halim Tamuri & Safani Bari. 2004. *Kajian ke atas aspirasi, nilai diri, halangan dan keperluan pelajar-pelajar fakir miskin di negeri Selangor, Laporan Penyelidikan GG004/2004*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- <http://www.e-zakat.com.my> (7hb September 2004).

Ab. Halim Tamuri, Ph.D  
 Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan  
 Fakulti Pendidikan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 Bangi  
 Selangor Darul Ehsan  
 abhalim@pkrisc.cc.ukm.my

Zarin bin Ismail  
 Jabatan Asas Pendidikan  
 Fakulti Pendidikan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 Bangi  
 Selangor Darul Ehsan  
 zaril@pkrisc.cc.ukm.my